

**KOD TINGKAH LAKU  
PROFESIONAL  
UNTUK PENGAMAL  
PERUBATAN TRADISIONAL  
DAN KOMPLEMENTARI  
(PT&K)**

## KANDUNGAN

1. Pengenalan
2. Objektif
3. Tafsiran

### **KOD TADBIR URUS**

1. Tanggungjawab pengamal sebagai seorang profesional
2. Tanggungjawab pengamal kepada pesakit
3. Tanggungjawab pengamal kepada masyarakat
4. Hubungan dengan anggota Profesional lain
5. Permohonan rekod perubatan

### **KOD AMALAN**

1. Kebersihan secara am
2. Amalan kebersihan tangan
3. Teknik pencucian tangan
4. Peralatan yang digunakan
5. Tanggungjawab pengamal dalam menjalankan tugas dengan selamat
6. Pengurusan peralatan tajam dan sisa klinikal yang betul

### **UNDANG-UNDANG**

1. Pematuhan kepada undang-undang

## **PENGENALAN**

Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) telah ditubuhkan selaras dengan penguatkuasaan Akta PT&K 2016 [Akta 775] bagi mengawalselia perkhidmatan PT&K dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Kod Tingkah Laku Professional ini diterbitkan bagi menggantikan Kod Etika dan Kod Amalan untuk Pengamal-Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (Semakan Kedua 2007 terbitan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari) yang sedia ada.

Kod ini mengatasi sebarang tatacara dan peraturan bagi mana-mana badan pengamal dan organisasi bukan kerajaan yang lain.

Pengamal PT&K hendaklah sentiasa menjaga tingkah laku dan berintegriti dalam menjalankan tugasnya agar tidak menjejaskan reputasi sebagai seorang pengamal. Beliau hendaklah kompeten dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan serta ilmu kemahiran.

Hubungan antara seorang pengamal dan pesakit adalah berlandaskan kepercayaan. Seseorang pesakit meletakkan sepenuh kepercayaan dan keyakinan terhadap profesionalisme pengamal yang merawatnya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap pengamal untuk tidak menyalahgunakan kepercayaan ini dalam apa jua keadaan sekalipun.

## **OBJEKTIF**

Objektif kod ini adalah untuk menyediakan garis panduan kepada pengamal berdaftar supaya pengamal sentiasa mematuhi piawaian profesional dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang profesional.

## **TAFSIRAN**

- i) "Kod Tadbir Urus" bagi tujuan Akta 775 merujuk kepada kod yang memperuntukkan tentang pendekatan, mekanisma, kaedah atau corak pengurusan yang efektif bagi pengamal PT&K berdasarkan kepada piawaian amalan mandatori yang ditetapkan oleh Majlis dan hendaklah dipatuhi oleh pengamal berdaftar.
- ii) "Kod Amalan" bagi tujuan Akta 775 merujuk kepada kod praktis bagi pengamal PT&K berkaitan dengan mana-mana bidang amalan diiktiraf berdasarkan kepada piawaian amalan mandatori yang ditetapkan oleh Majlis dan hendaklah dipatuhi oleh pengamal berdaftar.
- iii) "Pengamal" bererti pengamal PT&K yang berdaftar di bawah seksyen 23, Akta 775.
- iv) "Pesakit" bererti individu yang mendapatkan perkhidmatan atau rawatan daripada pengamal PT&K berdaftar untuk tujuan merawat apa-apa penyakit atau sakit yang dialaminya; atau untuk kesejahteraan dirinya.

**DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA**

- v) “Maklumat pesakit” bererti data peribadi seseorang pesakit seperti; nama, umur, alamat, keadaan mental dan fizikal, dan maklumat pembayaran.
- vi) “Sisa klinikal” adalah apa-apa sisa yang terdiri daripada keseluruhan atau sebahagian dari tisu manusia atau binatang, darah atau cecair badan manusia, bahan perkumuhan, ubat-ubatan, dan produk farmaseutikal lain, kapas dan kain pembalut luka (*dressing*), picagari (*syringe*), jarum atau lain-lain peralatan tajam yang telah menjadi sisa (melainkan didapati selamat) yang nyata boleh mendatangkan bahaya kepada mana-mana orang yang menyentuhnya.
- vii) “Sisa awam” adalah terdiri daripada bahan pembungkus, sisa pembungkus, sisa dapur dan kantin dan lain-lain yang tidak mendatangkan bahaya kepada kesihatan manusia atau alam sekitar.

FOR PUBLIC CONSULTATION ONLY

**KOD TADBIR URUS**

## DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA

### 1. TANGGUNGJAWAB PENGAMAL SEBAGAI SEORANG PROFESIONAL

- 1.1 Pengamal hendaklah mengekalkan standard yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan kepada pesakit mereka.
- 1.2 Pengamal hendaklah sentiasa menerapkan tingkah laku bermoral sepanjang memberikan rawatan atau perkhidmatan kepada pesakit.
- 1.3 Pengamal hendaklah sentiasa memberi keutamaan kepada kesejahteraan hidup pesakit.
- 1.4 Pengamal hendaklah memberikan rawatan kepada sesiapa yang memerlukan kepakarannya tanpa mengira bangsa, agama, kewarganegaraan, jantina, kedudukan sosial atau politik.
- 1.5 Pengamal hendaklah mengetahui semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan amalan PT&K dan mematuhi segala peruntukan di bawahnya.
- 1.6 Pengamal hendaklah sentiasa berhati-hati dalam memberikan penerangan yang tepat berkenaan teknik rawatan, kesan sampingan dan risiko rawatan yang dicadangkan dan bakal diberikan haruslah memastikan pesakit memahami dengan jelas perkara yang diterangkan sebelum membuat sebarang keputusan.
- 1.7 Pengamal hendaklah menilai kesesuaian rawatan dan tahap ketahanan pesakit terhadap rawatan tersebut.
- 1.8 Pengamal perlu menghormati hak pesakit atau penjaga kepada pesakit untuk menolak rawatan yang dicadangkan atas apa-apa sebab dan adalah tidak wajar untuk pengamal memujuk ataupun memaksa pesakit atau penjaga kepada pesakit untuk meneruskan rawatan tersebut.
- 1.9 Pengamal tidak sepatutnya menjejaskan nama baik profesionnya dengan salah laku peribadi seperti didakwa kerana mabuk, penyalahgunaan dadah, menjalin hubungan seksual dengan pesakit di bawah kendaliannya atau kesalahan pecah amanah.
- 1.10 Pengamal tidak seharusnya cuai semasa bertugas, seperti tidak menurut piawaian yang terdapat dalam Kod Amalan atau undang-undang berkaitan; atau melanggar peraturan dalam Kod Tadbir Urus.
- 1.11 Pengamal hendaklah tidak menyalahgunakan kepercayaan pesakit dengan menggunakan kedudukan dan pengaruh sebagai pengamal PT&K untuk mendapatkan imbuhan, hadiah atau faedah daripada pesakit.

**2. TANGGUNGJAWAB PENGAMAL KEPADA PESAKIT**

**2.1 Persetujuan**

- 2.1.1 Pengamal hendaklah mendapatkan persetujuan bertulis daripada pesakit sebelum memberikan rawatan.
- 2.1.2 Bagi pesakit yang mempunyai kecacatan mental atau di bawah umur (kurang daripada 18 tahun), pengamal perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada penjaga kepada pesakit tersebut sebelum rawatan dimulakan.

**2.2 Sepanjang proses rawatan dijalankan, pengamal hendaklah:**

- 2.2.1 menunjukkan sikap bertanggungjawab dan prihatin kepada reaksi fizikal ataupun emosi pesakit;
- 2.2.2 memberikan respons sewajarnya kepada reaksi fizikal dan emosi pesakit terhadap rawatan;
- 2.2.3 melakukan pemeriksaan secara menyeluruh ke atas pesakit sebelum memulakan sesuatu rawatan;
- 2.2.4 mendapatkan maklum balas daripada pesakit berhubung dengan perubahan keadaan penyakitnya dan memberikan pendidikan/ maklumat sewajarnya kepada pesakit;
- 2.2.5 menyimpan dokumen yang telah dikemaskini berkenaan rawatan yang diberikan dan maklum balas pesakit mengenainya.

**2.3 Penyelenggaraan rekod rawatan pesakit**

- 2.3.1 Semua rekod rawatan pesakit hendaklah disimpan dengan kemas, tersusun, lengkap, bertarikh dan mudah difahami.
- 2.3.2 Maklumat terperinci setiap pesakit hendaklah direkodkan dengan jelas:
  - i) maklumat peribadi pesakit (nama, alamat, no. kad pengenalan, tarikh lahir, no. telefon dsb.);
  - ii) keluhan utama tanda-tanda dan simptom-simptom penyakit yang dialami oleh pesakit;
  - iii) sejarah perubatan dan pembedahan pesakit;
  - iv) sejarah perubatan dan pembedahan keluarga yang berkaitan;
  - v) sejarah alahan pesakit;

**DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA**

- vi) penerangan dan nasihat yang diberikan kepada pesakit sebelum, semasa dan selepas rawatan;
- vii) semua keputusan yang dibuat bersama dengan pesakit;
- viii) rekod persetujuan pesakit atau penjaga kepada pesakit untuk mendapatkan rawatan;
- ix) rekod bertarikh tentang sebarang perubahan pada keadaan kesihatan pesakit dan perubahan pada pelan rawatan yang dibuat.

2.3.3 Semua maklumat pesakit hendaklah dicatat sejurus selepas pemeriksaan pesakit dan direkodkan mengikut kronologi.

2.3.4 Tarikh pada rekod tidak boleh diubah.

2.3.5 Semua rekod hendaklah ditulis dengan dakwat dan tidak boleh dihapus atau diubah dengan menggunakan cecair pembetulan/ pita/ label pelekat.

2.3.6 Sebarang pembetulan atau penambahan pada rekod pesakit hendaklah diparap dan bertarikh.

2.3.7 Kaedah merekod data pesakit dan rawatan yang diberikan perlulah jelas dan sistematik.

2.3.8 Semua dokumentasi hendaklah dijaga dengan baik dan mengandungi maklumat yang betul.

2.3.9 Semua maklumat rawatan hendaklah dicatatkan dengan lengkap oleh pengamal untuk memudahkan rawatan susulan pesakit dan juga untuk tujuan penyimpanan rekod.

2.3.10 Semua rekod pesakit adalah sulit dan hendaklah disimpan dengan cermat oleh pengamal di dalam kabinet yang selamat.

2.3.11 Rekod rawatan pesakit hendaklah disimpan sekurang-kurangnya 7 tahun sebelum rekod tersebut dilupuskan. Sekiranya pesakit di bawah umur 18 tahun, rekod rawatan pesakit hendaklah disimpan sehingga pesakit tersebut mencapai umur 25 tahun.

**2.4 Pendedahan maklumat pesakit:**

2.4.1 Menurut subseksyen 40 (1) Akta 775, adalah menjadi tanggungjawab pengamal untuk menyimpan maklumat dan sejarah perubatan setiap pesakit sebagai rahsia di antara pengamal dan pesakit, termasuk rekod kedatangan pesakit ke premis rawatan berkenaan. Tanggungjawab tersebut hendaklah dipikul bersama oleh para pembantu dan kakitangan lain. Sebarang maklumat tidak boleh didedahkan tanpa kebenaran pesakit berkenaan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].

2.4.2 Pendedahan sebarang maklumat sulit pesakit kepada pihak ketiga hanya dibenarkan sekiranya:

- i) pendedahan adalah untuk kepentingan pesakit itu sendiri;
- ii) ianya dilakukan dengan pengetahuan dan kebenaran pesakit;
- iii) terdapat keperluan untuk mendedahkan maklumat dalam situasi di mana pengamal perlu merujuk pesakit kepada pengamal perubatan berdaftar, pengamal PT&K atau anggota kesihatan yang lain;
- iv) terdapat keperluan perundangan (Rujuk Perkara 3-Tanggungjawab Pengamal kepada Masyarakat);
- v) ianya berkaitan dengan keadaan pesakit atau rawatan ke atas pesakit di mana kebenaran pesakit tidak lagi diperlukan untuk kebaikan pesakit itu sendiri;
- vi) pengamal berpendapat bahawa tanggungjawabnya terhadap masyarakat umum adalah lebih penting.

2.4.3 Pengamal juga tidak seharusnya mengandaikan bahawa segala maklumat terperinci kes rawatan isteri atau suami dapat dibincangkan secara terbuka dengan isteri atau suami pesakit termasuk sanak-saudara pesakit. Pengamal adalah dilarang membenarkan kehadiran pihak ketiga semasa rawatan atau konsultasi melainkan jika mendapat kebenaran pesakit.

**2.5 Yuran perkhidmatan**

2.5.1 Pengamal mestilah bersikap adil dalam menentukan yuran perkhidmatan yang bersesuaian dengan rawatan yang diberikan.



## **DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA**

- 2.5.2 Jadual Bayaran perkhidmatan hendaklah dipaparkan dengan jelas di dalam premis atau tempat rawatan atau konsultasi, untuk makluman pesakit.
- 2.5.3 Bagi caj rawatan berpakej, caj untuk rawatan yang belum diberikan perlu dipulangkan sekiranya pesakit memilih untuk menamatkan perkhidmatan.

### **2.6 Merujuk pesakit**

- 2.6.1 Pengamal yang ingin merujuk pesakit mereka hendaklah memastikan rujukan tersebut dibuat kepada pengamal berdaftar (PT&K/ Perubatan/ Pergigian) yang berkelayakan untuk mengendalikan kes tersebut.
- 2.6.2 Pengamal hendaklah merujuk pesakit mereka kepada pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian berdaftar jika pesakit itu mengalami suatu kecemasan perubatan yang akut atau jika penyakit atau keadaan pesakit itu di luar kemahiran, kelayakan atau kepakaran pengamal untuk merawat pesakit tersebut.
- 2.6.3 Pengamal hendaklah menerangkan dengan jelas dan berhati-hati dalam menasihatkan pesakit atau penjaga pesakit mengenai kewajipan untuk merujuk pesakit kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian bagi membolehkan pesakit atau penjaga atau waris pesakit membuat keputusan sama ada untuk dirujuk ataupun tidak.
- 2.6.4 Pengamal boleh menerima rujukan pesakit daripada pengamal perubatan atau pergigian jika difikirkan perlu.
- 2.6.5 Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengamal untuk memastikan usaha dibuat agar pesakit masih tetap menerima rawatan yang sewajarnya sekiranya pengamal tersebut akan bercuti untuk jangka masa yang panjang.

## **3. TANGGUNGJAWAB PENGAMAL KEPADA MASYARAKAT**

### **3.1 Pendedahan maklumat atas perintah mahkamah:**

- 3.1.1 Pendedahan maklumat termasuk maklumat peribadi dan sulit pesakit serta rawatan yang telah diberikan kepadanya mungkin diperlukan atas arahan mahkamah.
- 3.1.2 Sekiranya seseorang pengamal diperintah oleh mahkamah untuk mendedahkan maklumat yang dirasakan peribadi atau sulit, pengamal tersebut hendaklah memohon agar mahkamah mempertimbangkan alasan-alasan untuk tidak mendedahkan maklumat yang diminta, misalnya atas dasar etika profesionalisme.

## DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA

- 3.1.3 Sekiranya mahkamah menolak alasan tersebut dan masih memberi perintah agar maklumat didedahkan, maka keengganan pengamal untuk mendedahkannya boleh mengakibatkan pengamal didakwa kerana menghina mahkamah.
- 3.1.4 Keengganan mendedahkan maklumat boleh dianggap sebagai cubaan menghalang proses pengadilan.
- 3.1.5 Dalam kes-kes di mana maklumat sensitif diperlukan daripada pengamal terutama berkenaan aktiviti-aktiviti yang berunsurkan jenayah, para pengamal disarankan untuk mendapatkan nasihat guaman terlebih dahulu.

### 3.2 Pengiklanan

- 3.2.1 Para pengamal hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pengiklanan untuk Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari.
- 3.2.2 Pengiklanan hendaklah mematuhi Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290] dan peruntukan perundangan lain yang berkaitan dengannya.
- 3.2.3 Pengiklanan hendaklah tidak mempunyai dakwaan yang berlebih-lebihan atau tidak munasabah tentang rawatan mahupun penyembuhan sesuatu penyakit yang berkemungkinan boleh memberikan harapan palsu/ maklumat yang tidak sah kepada pesakit.
- 3.2.4 Pengiklanan hendaklah tidak mempunyai unsur yang memburuk-burukkan pengamal lain dalam profesion yang sama atau profesion yang lain.
- 3.2.5 Pengiklanan hendaklah tidak berunsur kepalsuan, penipuan, mengelirukan, mengaburi mata, memuji diri, berlebih-lebihan atau bersifat sensasi.
- 3.2.6 Penggunaan testimonial daripada pesakit dalam apa-apa bentuk media pengiklanan adalah merupakan satu dorongan tersirat kepada orang ramai terhadap perkhidmatan yang ditawarkan dan perbuatan ini adalah tidak dibenarkan.
- 3.2.7 Pengiklanan tidak seharusnya memasukkan perakuan oleh seseorang yang terkenal di kalangan masyarakat awam, sukan, hiburan, badan professional dan lain-lain.

## DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA

- 3.2.8 Pengiklanan hendaklah tidak mengeksploitasi kebimbangan dan rasa cemas pesakit serta tidak membuatkan pesakit terlalu menaruh harapan tinggi terhadap kejayaan hasil rawatan yang bakal diterima.
- 3.2.9 Penting bagi setiap pengiklanan untuk mengekalkan kepercayaan antara pengamal dan pesakit di mana kepercayaan ini tidak disalahguna dan kekurangan pengetahuan pesakit dalam bidang ini tidak dieksploitasikan.
- 3.2.10 Pengiklanan secara pintu ke pintu, melalui pos, telefon atau lawatan peribadi adalah dilarang.
- 3.2.11 Pengamal perlu mematuhi larangan pengiklanan berkaitan penyakit-penyakit di bawah subseksyen 3(1) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) [Akta 290].

### 3.3 Penggunaan gelaran dan istilah yang mengelirukan masyarakat umum:

- 3.3.1 Pengamal tidak dibenarkan untuk menggunakan gelaran yang boleh menyebabkan orang ramai mempercayai bahawa beliau berkelayakan untuk mengamal perubatan moden atau menjalankan pembedahan seperti pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].
- 3.3.2 Gelaran seperti **Doktor Perubatan, Dr., Pakar Perubatan, Pakar Perunding Perubatan** secara langsung atau tidak langsung dalam konteks amalan PT&K adalah dilarang kerana akan mengelirukan orang ramai. Contohnya;
  - 3.3.2.1 Penggunaan secara langsung oleh pengamal adalah seperti penggunaan gelaran tersebut pada plat nama, kad nama, kertas nota, di dalam direktori atau sebarang dokumen lain seperti inbois.
  - 3.3.2.2 Penggunaan secara tidak langsung oleh pengamal adalah seperti membenarkan seseorang membuat rujukan kepada pengamal sebagai Pengamal Perubatan berdaftar tanpa memperbetulkan tanggapan salah mereka.
- 3.3.3 Pengamal juga dilarang menggunakan istilah '**kllinik**' atau '**dispensari**' atau '**hospital**' atau mana-mana istilah yang memberi makna yang sama dalam nama perniagaan atau syarikat. Ia adalah satu kesalahan di bawah subseksyen 33(1)(f) Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

## DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA

3.3.4 Dalam konteks yang sama pengamal juga tidak dibenarkan menggunakan perkataan '**Pharmacist**', '**Chemist**', '**Druggist**' atau istilah yang memberi makna yang sama pada nama perniagaan atau syarikat atau tempat pendispensan ubat kerana ianya terhad untuk kegunaan Ahli Farmasi Berdaftar di bawah Seksyen 7, Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 [Akta 371].

3.4 Kewajipan untuk melaporkan wabak atau penularan penyakit setempat yang lain

3.4.1 Adalah menjadi tanggungjawab semua pengamal berdaftar untuk melaporkan kepada Pendaftar sebarang kejadian wabak atau penularan penyakit setempat lain, atau penyakit berjangkit atau apa-apa penyakit lain, masalah kesihatan awam atau apa-apa kesan buruk yang dialami oleh pesakit disebabkan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari menurut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

## 4. HUBUNGAN DENGAN ANGGOTA PROFESIONAL LAIN

4.1 Pengamal haruslah mengekalkan hubungan yang baik dengan anggota kesihatan profesional yang lain.

4.2 Pengamal hendaklah bekerjasama dengan anggota kesihatan profesional yang lain bagi mendapatkan hasil rawatan terbaik kepada pesakit.

4.3 Pengamal adalah dilarang untuk membantu mana-mana pengamal yang tidak berkelayakan atau tidak berdaftar dalam memberikan rawatan kepada mana-mana pesakit.

4.4 Pengamal boleh dikenakan hukuman disiplin sekiranya membantu pengamal yang tidak berkelayakan atau pengamal yang tidak berdaftar untuk merawat pesakit.

4.5 Pengamal adalah dilarang untuk membenarkan mana-mana pengamal yang tidak berdaftar daripada mengamal di premis pengamal berdaftar.

4.6 Pengamal adalah dilarang untuk memujuk pesakit, secara langsung atau tidak langsung untuk bertukar daripada pengamal lain kepada dirinya. Perbuatan ini adalah dianggap tidak profesional.

## **DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA**

- 4.7 Pengamal seharusnya tidak menghalang pesakitnya daripada bertukar kepada pengamal lain untuk meneruskan rawatan sekiranya pesakit tersebut ingin berbuat demikian.
- 4.8 Pengamal hendaklah sentiasa menunjukkan sikap saling hormat-menghormati di antara satu sama lain dan bersedia pada setiap masa untuk menerima pandangan dan bekerjasama dalam merawat pesakit.
- 4.9 Pengamal adalah dilarang untuk mengkritik atau menjatuhkan reputasi pengamal lain kepada pesakitnya.

### **5. PERMOHONAN REKOD PERUBATAN PESAKIT**

- 5.1 Permohonan untuk mendapatkan rekod perubatan pesakit boleh dibuat kepada pengamal yang berkaitan, oleh pihak-pihak berikut:
  - i) Pesakit;
  - ii) Seseorang yang telah diberikan kebenaran bertulis untuk memohon bagi pihak pesakit;
  - iii) Jika pesakit seorang kanak-kanak, seseorang yang mempunyai hak penjagaan ke atas pesakit tersebut;
  - iv) Bagi pesakit yang tidak berupaya untuk menguruskan perihal dirinya, sesiapa sahaja yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan perihal pesakit tersebut;
  - v) Bagi pesakit yang telah meninggal dunia, saudara-mara atau waris atau wakil peribadi pesakit tersebut.
- 5.2 Pesakit atau pemohon akan diberi akses dalam masa 28 hari dari tarikh permohonan diterima untuk mengakses rekod perubatan tersebut dan akan diberikan satu salinan rekod sekiranya diminta.
- 5.3 Tiada bayaran akan dikenakan selain daripada kos membuat salinan dan kos penghantaran melalui pos sekiranya perlu.
- 5.4 Sekiranya terdapat maklumat atau istilah dalam rekod perubatan yang tidak difahami oleh pesakit atau pemohon, suatu penjelasan hendaklah disediakan bersama rekod perubatan oleh pengamal tersebut.

## KOD AMALAN

### 1. KEBERSIHAN SECARA AM

- 1.1 Premis hendaklah bersesuaian untuk amalan profesionalnya.
- 1.2 Semua pengamal perlu sentiasa menjaga kebersihan diri.
- 1.3 Pengamal hendaklah membasuh tangan sebelum menjalankan pemeriksaan atau memulakan rawatan kepada pesakit.
- 1.4 Pengamal adalah dikehendaki untuk mengambil tindakan sewajarnya untuk mengelakkan jangkitan silang.
- 1.5 Pengamal hendaklah sentiasa memastikan premisnya dalam keadaan bersih dan mempunyai aliran udara yang mencukupi.
- 1.6 Semua peralatan guna semula yang digunakan hendaklah dibersihkan secara berkala dan selepas setiap sesi rawatan.

### 2. AMALAN KEBERSIHAN TANGAN

Berikut adalah lima (5) amalan kebersihan tangan yang perlu dilaksanakan oleh para pengamal:-

- i) Sebelum menyentuh pesakit  
(Contoh: berjabat tangan, membantu pesakit untuk bergerak, pemeriksaan fizikal)
- ii) Selepas menyentuh pesakit  
(Contoh: berjabat tangan, membantu pesakit untuk bergerak, pemeriksaan fizikal)
- iii) Selepas menyentuh kawasan persekitaran pesakit  
(Contoh: menukar sarung tilam)
- iv) Sebelum melakukan prosedur aseptik  
(Contoh: melakukan pembersihan luka)
- v) Selepas melakukan prosedur atau terdedah kepada cecair badan pesakit

## DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA

(Contoh: mengendalikan sisa klinikal)

### 3. TEKNIK PENCUCIAN TANGAN

3.1 Pencucian tangan boleh dilakukan dengan menggunakan sabun atau cecair antiseptik atau *alcohol-based handrub*.

#### 3.2 Persediaan sebelum mencuci tangan:

- i) Basahkan tangan dengan air  
(**Peringatan:** Tanggalkan semua barangan kemas, jam tangan dan lain-lain)
- ii) Meletakkan sabun atau cecair antiseptik atau *handrub* secukupnya.

#### 3.3 Teknik Pencucian Tangan (7 Langkah Pencucian Tangan):

- i) Melepapkan kedua telapak tangan dan gosokkan kedua belah tapak tangan.
- ii) Lepak telapak tangan kanan di atas belakang tangan kiri dengan jari bersilang dan gosok. Ulangi langkah ini pada tangan kiri.
- iii) Lepakkan kedua telapak tangan dengan jari bersilang dan gosok.
- iv) Genggam tangan kiri, lekap tangan kanan di belakang tangan kiri dan gosok ke arah bawah dengan meliputi semua bahagian. Ulangi langkah ini pada tangan kanan.
- v) Gosokkan sekeliling ibu jari kiri dalam genggam tangan kanan dan sebaliknya.
- vi) Kuncupkan jari tangan kanan di atas telapak tangan kiri dan gosok secara berputar ke hadapan dan ke belakang. Ulangi langkah pada tangan kiri.
- vii) Gosokkan secara putaran di pergelangan tangan kanan dan begitu juga sebaliknya pada tangan kiri. Sekiranya menggunakan sabun atau cecair antiseptik, bilas dengan air dan keringkan dengan tuala atau kertas pakai buang yang bersih.

### 4. PERALATAN YANG DIGUNAKAN

**DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA**

4.1 Semua peralatan yang digunakan oleh pengamal untuk tujuan rawatan hendaklah didaftarkan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 [*Akta 737*].

4.2 Semua peralatan guna semula yang telah digunakan hendaklah dibersihkan dengan kaedah pembasmian kuman dan kaedah pensterilan yang sewajarnya.

**5. TANGGUNGJAWAB PENGAMAL DALAM MENJALANKAN TUGAS DENGAN SELAMAT**

5.1 Sijil amalan tahunan pengamal yang terkini hendaklah dipaparkan di tempat yang mudah dilihat di dalam premis.

5.2 Pengamal hendaklah memastikan kesihatan dan keselamatan pesakit adalah terjamin pada setiap masa.

5.3 Pengamal perlu memastikan status kesihatan dan kebersihan diri mereka tidak akan menjejaskan kesihatan pesakit.

5.4 Pengamal hendaklah bertindak dengan segera sekiranya berlaku sebarang kecederaan sewaktu rawatan dijalankan kepada pesakit.

5.5 Adalah menjadi kesalahan di bawah Kanun Keseksaan [*Akta574*] untuk pengamal yang bukan pegawai perubatan berdaftar untuk menjalankan sebarang aktiviti berkaitan pengguguran, seperti memberi penawar kepada wanita hamil atau penggunaan peralatan yang boleh membantu kepada proses pengguguran atau bersuhabat dalam mana-mana pembedahan haram.

5.6 Setiap pemeriksaan peribadi ke atas pesakit yang berlainan jantina hendaklah dilakukan dengan kehadiran ahli keluarga pesakit, saudara-mara pesakit ataupun pembantu yang layak.

5.7 Ahli keluarga pesakit atau penjaga yang dewasa dikehendaki hadir bersama ketika sebarang rawatan atau pemeriksaan dibuat ke atas kanak-kanak di bawah umur 18 tahun atau ke atas pesakit yang mempunyai kecacatan mental.

5.8 Pengamal berdaftar hendaklah merujuk pesakitnya kepada pengamal perubatan atau pengamal pergigian jika pesakit itu mengalami suatu kecemasan perubatan yang akut atau jika penyakit atau keadaan pesakit itu di luar kemahiran, kelayakan atau kepakaran pengamal berdaftar itu sepertimana yang disarankan di bawah subseksyen 30(1) Akta PT&K 2016.

5.9 Pengamal seharusnya memberikan rundingan atau rawatan secara langsung kepada pesakit dan mengelakkan daripada memberi perkhidmatan melalui pihak ketiga tanpa kehadiran pesakit.



## **DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA**

- 5.10 Pemberian dan pelabelan ubat kepada pesakit mestilah mengikut paraturan yang telah ditetapkan. Maklumat yang perlu ada pada label ubat adalah seperti berikut:
- i. Nama dan alamat pihak pembekal atau penjual;
  - ii. Nama penuh ubat / Nama bahan aktif ubat;
  - iii. Nama pesakit;
  - iv. Tarikh ubat dibekal atau dijual;
  - v. Nombor rujukan pesakit pada buku rekod; dan
  - vi. Arahan / cara pengambilan ubat yang lengkap
- 5.11 Pengamal dilarang mendakwa secara lisan atau bertulis dapat mengubati atau menyembuhkan penyakit-penyakit serius atau yang mengancam nyawa.
- 5.12 Pengamal perlu menilai secara berterusan perubahan klinikal pesakit sepanjang rawatan dan memantau kesan sampingan / kesan buruk terhadap rawatan yang diberikan.

## **6. PENGURUSAN PERALATAN TAJAM DAN SISA KLINIKAL YANG BETUL**

- 6.1 Semua sisa yang terhasil di premis hendaklah dilupuskan dengan cara pelupusan yang disarankan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 [*Akta 127*].
- 6.2 Pengasingan sisa:  
Sisa hendaklah diasingkan daripada punca penghasilannya dan dimasukkan ke dalam beg-beg mengikut warna sebelum pengutipan dan proses pelupusan. Semua tempat kemudahan kesihatan hendaklah menggunakan piawaian beg berwarna yang standard dan semua kategori staf mestilah mengetahui kod berwarna ini dan pengasingan sisa-sisa mengikut klasifikasinya.
- 6.2.1 Sisa klinikal:  
Sisa ini hendaklah diasingkan dan dibuang ke dalam beg plastik berwarna kuning.
- 6.2.2 Sisa awam:  
Sisa ini hendaklah diasing dan dibuang ke dalam beg plastik berwarna hitam sebelum dikutip untuk dilupuskan.
- 6.2.3 Benda tajam:

## DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA

Semua sisa dan alatan tajam dikumpul dalam bekas tahan tembus (*sharp bin*) dan kemudiannya dimasukkan ke dalam beg plastik kuning sebelum dikutip.

### 6.3 Pengendalian sisa:

- i) Semua sisa hendaklah dikendalikan dengan betul mengikut peraturan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kesan negatif dan bahaya kepada individu, masyarakat dan alam sekitar.
- ii) Sisa yang dibuang dalam beg plastik kuning dan bekas ber dinding tegar, tahan tembus bertutup (*sharp bin*) akan dikutip oleh kakitangan daripada syarikat-syarikat pelupusan yang dilesenkan atau diiktirafkan oleh kerajaan untuk pelupusan.
- iii) Sisa yang dikumpul dalam beg plastik berwarna hitam akan dikutip dikumpul oleh kakitangan syarikat pembersihan untuk dibawa ke tempat pengumpulan sampah.

## UNDANG-UNDANG

### 1. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG

Walau apa pun, pengamal mestilah sentiasa mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.

**CODE OF  
PROFESSIONAL CONDUCT  
FOR  
TRADITIONAL AND  
COMPLEMENTARY MEDICINE  
(T&CM) PRACTITIONERS**

## CONTENTS

### **INTRODUCTION**

1. Preamble
2. Objective
3. Interpretation

### **CODE OF GOVERNANCE**

1. Responsibilities of practitioners as a Professional
2. Responsibilities of practitioners towards the patient
3. Responsibilities of practitioners towards society
4. Relationship with other Professionals
5. Application for patient's medical record

### **CODE OF PRACTICE**

1. General cleanliness
2. Hand hygiene practice
3. Hand washing technique
4. Equipment used
5. Responsibility of practitioners in carrying out duties safely
6. Proper management of sharp equipment and clinical waste

### **LAW**

1. Compliance with the law

## **PREAMBLE**

The Traditional and Complementary Medicine (T&CM) Council was established in line with the enforcement of the T&CM Act 2016 [ACT 775] to regulate the T&CM services in Malaysia and to provide for matters connected therewith.

This Code of Professional Conduct replaces the existing Code of Ethics and Code of Practice for Traditional and Complementary Practitioners (Second Review 2007 published by the T&CM Division)

